

Saling menghormati pererat Malaysia-China

Anwar, Li Qiang kekal komited perkukuh hubungan KL-Beijing

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan hubungan erat Malaysia dan China dibina atas dasar sikap saling menghormati.

Beliau berkata, hubungan itu sudah terjalin sejak pemerintahan Maharaja China dan Sultan Melaka dahulu lagi.

“Ramai rakan saya di luar negara mempersoalkan sama ada hubungan dua hala kita yang dipertingkatkan dengan China boleh merugikan Malaysia, terutama kerana Malaysia adalah sebuah negara yang lebih kecil.

“Saya memberi jaminan bahawa hubungan kita (Malaysia - China) berakar kukuh dalam sikap saling menghormati,” katanya dalam kenyataan di Facebook semalam.

Mengenai perbincangan dengan Perdana Menteri China, Li Qiang baru-baru ini, Anwar berkata, pihaknya menegaskan semula kepercayaan terhadap sifat kepemimpinan China yang mesra, berbudi bahasa dan menghormati Malaysia.



Anwar dan Li Qiang dalam satu pertemuan meraikan 50 tahun hubungan Malaysia-China di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

(Foto BERNAMA)

“Walaupun bertubi-tubi soalan dan naratif, terutama dari Barat, saya telah menyaksikan pemahaman yang mendalam dan penghayatan perbezaan budaya daripada China.

“Sepanjang perbincangan kami, tidak ada tanda-tanda keangkuhan atau merendahkan diri. Kami menangani isu berbangkit sebagai rakan kongsi yang sama dan rakan yang dipercayai,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar turut

mengambil kesempatan untuk meyakinkan masyarakat Malaysia dan antarabangsa bahawa hubungan Malaysia dengan China dibina atas rasa hormat dan persahabatan yang tulus.

“Kami kekal komited untuk memupuk dan mengukuhkan ikatan antara Malaysia dan China,” katanya.

Jalin persahabatan

Terdahulu, Anwar menegaskan Malaysia melihat hubungan

dengan China bukan setakat dua hala, tetapi menerusi lensa strategik yang menyeluruh.

Beliau percaya menjadi kepentingan strategik Malaysia untuk menjalin persahabatan dan kerjasama dengan China, dan bukan sebaliknya.

“Kita berusaha sedaya upaya untuk melibatkan China secara diplomatik dan menyepadukannya ke dalam hal ehwal serantau kerana ia penting untuk masa depan kita bersama,” katanya.